

Blog untuk pekebun bandar

MOHAMAD Izham (enam dari kanan) menemani rakan blognya melawat galeri lebah di Melaka.

Graduan UPM sedia sumber rujukan ilmiah bidang hortikultur menerusi Internet



RENCANA
Teks dan gambar
Mohd Sharumnisham
Shahbudin

rencana@media-
prima.com.my

Peningkatan kos sara hidup nyata membebani, malah memberi tekanan kepada anggota masyarakat terutama mereka yang tinggal di

bandar dengan segala barang perlu dibayar dengan wang ringgit.

Dalam menghadapi isu itu, pelbagai cara dilakukan sehingga ada yang sanggup mencari pekerjaan sampingan demi menyara keluarga.

Satu lagi alternatif ialah bercucuk tanam di laman kediaman. Konsep pertanian bandar disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sesuai dilaksanakan oleh mereka yang mendiami ru-



MOHAMAD Izham menghasilkan blog pertanian.



BLOG yang mengandungi pelbagai fakta pertanian dan kebun bandar.

MOHAMAD Izham (kanan) ketika menyertai kursus lebah.

mah teres, flat mahupun pangsapuri.

Bagaimanapun, keinginan ataupun semangat murni itu akan berkubur begitu saja kerana kegagalan masyarakat kita untuk mendapatkan sumber rujukan.

Justeru, masalah itu mendorong pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Hortikultur Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohamad Izham Mohd Alias, 25, membangunkan laman blog dan laman sosial bagi rujukan umum.

Mohamad Izham berkata, kurangnya sumber rujukan ilmiah bidang hortikultur dalam bahasa Melayu menarik minatnya menyediakan bahan berkenaan menerusi Internet.

"Bermula Jun 2012 saya mewujudkan Facebook dengan menggunakan pendekatan 'Jom Tanam Sendiri'.

"Tidak sangka usaha dilakukan mendapat maklum balas positif daripada pengunjung sehingga bilangan yang menekan status 'suka' mencecah 7,000 pengikut," katanya.

Menariknya mengenai laman sosial diban-

gunkan tidak langsung berorientasikan keuntungan atau mendapatkan dana pengiklanan.

Bagi memudahkan masyarakat mendapatkan maklumat dengan lebih mudah, dia membina blog kebunbandar.com, menghimpun artikel yang tersiar dalam Facebook miliknya.

"Paling menarik, artikel yang ditulis berkaitan kebun menggunakan medium batang pokok pisang, menarik 2,000 status 'suka' dalam masa tiga hari saja," katanya.

Selain kaedah pertanian yang sesuai di bandar, laman berkenaan membincangkan petua merawat tanaman bermasalah dan kaedah penghasilan baja kompos menggunakan sisa dari dapur.

Mohamad Izham kini melanjutkan pelajaran peringkat Sarjana Sains (Kesuburan dan Pemakanan Tumbuhan) di UPM.

Dia juga bakal muncul dengan buku pertama garapannya berkaitan aktiviti perkebunan bagi menambah rujukan dalam bahasa Melayu di Malaysia.

"Saya berharap pertanian bandar ini menjadi gaya hidup baru orang bandar kerana selain dapat menjimatkan perbelanjaan dapur, ia juga membantu mewujudkan masyarakat yang aktif dan sihat," katanya.